

SOALAN NO. 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN KASTHURIRAANI
A/P PATTO [BATU KAWAN]**

TARIKH : 19 MAC 2018

SOALAN :

YB Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah pindaan kepada Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya akan dikuatkuasakan memandangkan sehingga kini terdapat 40 orang yang baru dijatuhkan hukuman gantung di atas kesalahan di bawah akta ini walaupun pindaan untuk memberikan kuasa kepada hakim diluluskan di Dewan Rakyat pada sidang lepas.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017 yang diwartakan pada 8 Mac 2018 menurut subseksyen 1(2) Akta yang sama, telah menetapkan 15 Mac 2018 sebagai tarikh permulaan kuatkuasa setelah tatacara dan garis panduan untuk kegunaan agensi-agensi penguat kuasa dimuktamadkan bagi memastikan pelaksanaannya berkesan dan saksama.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR
BIN RADIN
[KINABATANGAN]**

TARIKH : 19.3.2018 (ISNIN)

SOALAN : 45

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah usaha yang akan dibuat bagi memastikan keperluan asas seperti bekalan air bersih dan bekalan elektrik dapat disediakan kepada masyarakat kampung yang berada di kawasan pedalaman dan terpencil.

JAWAPAN :

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, matlamat utama program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) adalah untuk menyalurkan bekalan elektrik kepada rumah-rumah dalam kampung tradisional dan rumah-rumah panjang di kawasan luar bandar di seluruh negara. Ini termasuklah rumah-rumah di pulau, perkampungan orang asli dan rumah-rumah pekerja estet kecil yang luasnya di bawah 1,000 ekar.

Selain daripada sambungan Talian Grid yang merupakan pilihan utama dalam projek BELB, kaedah alternatif seperti solar hibrid dan mikro hidro juga telah dilaksanakan untuk membekalkan elektrik ke kawasan-kawasan pedalaman dan terpencil berdasarkan faktor ekonomik.

Bagi perancangan pembekalan, Kementerian akan terus mendapatkan data-data bagi kawasan pedalaman dan terpencil yang masih belum menerima bekalan elektrik daripada Unit Perancangan Ekonomi

Negeri (UPEN) Sabah, dan perancangan pembekalan akan dibuat bersama Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) sebelum dikemukakan kepada pihak Unit Perancangan Ekonomi (EPU) untuk permohonan kelulusan peruntukan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi keperluan asas bekalan air, Kementerian ini sentiasa membantu Kerajaan Negeri khususnya Jabatan Air Negeri Sabah dengan kerjasama dari Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) Sabah, Kementerian Pembangunan Infrastruktur (KPI) Sabah dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) Sabah dalam memperluaskan liputan air bersih dan terawat di kawasan luar bandar termasuklah kawasan pedalaman dan terpencil.

Kementerian ini dan Kerajaan Negeri Sabah telah mewujudkan Jawatankuasa Bersama bagi mempertingkatkan tahap koordinasi antara Kementerian dan Kerajaan Negeri Sabah. Perbincangan antara Kementerian dan agensi-agensinya terlibat di peringkat negeri juga dijalankan secara berkala bagi memastikan projek dan liputan bekalan air bersih dapat dilaksanakan.